

PEKELILING PENDAFTAR

Tarikh: 5 Disember 2019 Bil. 06/2019 Ruj:(54)dIm.UNISEL/PP/01/05 Jld. I

MAKLUMAN KALENDAR AKADEMIK UNISEL BAGI TAHUN 2020/2021

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Kalendar Akademik UNISEL 2020/2021 bagi semua peringkat pengajian.

2.0 MAKLUMAN

- 2.1 Mesyuarat Senat Khas Konvokesyen bertarikh 12 November 2019 telah meluluskan Kalendar Akademik UNISEL 2020/2021 bagi semua peringkat pengajian.
- 2.2 Bersama ini dilampirkan Kalendar Akademik UNISEL 2020/2021 bagi peringkat pengajian seperti di bawah:-
 - i) Kalendar Akademik Program Asas (rujuk Lampiran A);
 - ii) Kalendar Akademik Program Sarjana Muda & Diploma dan Pengajian Siswazah (Secara Kerja Kursus) dan Program Francais (rujuk Lampiran B);
 - iii) Kalendar Akademik Program Pengajian Pascasiswazah (Secara Penyelidikan) (rujuk Lampiran C).
- 2.3 Berdasarkan kalendar tersebut, mana-mana kuliah yang jatuh pada cuti umum haruslah diganti pada hari yang telah dipersetujui oleh pensyarah dan pelajar bagi memastikan jam pertemuan perkuliahan tidak terjejas untuk kursus yang terlibat.

3.0 TARIKH KUATKUASA

- 3.1 Kalendar Akademik UNISEL 2020/2021 ini berkuat kuasa mulai Januari 2020 bagi program Pengajian Pascasiswazah (Secara Penyelidikan).
- 3.2 Manakala bagi program Asas, Diploma, Ijazah Sarjana Muda dan Pengajian Pascasiswazah (Secara Kerja Kursus), Kalendar Akademik UNISEL 2020/2021 ini berkuat kuasa mulai April 2020 untuk diguna pakai oleh semua pihak.
- 3.3 Pihak Universiti berhak meminda, mengubahsuai dan membatalkan Kalendar Akademik Universiti mengikut kesesuaian masa pada ketika itu.

Muka surat: 02

MAKLUMAN KALENDAR AKADEMIK UNISEL BAGI TAHUN 2020/2021

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

"PENERAJU TRANSFORMASI"

Yang benar,



HAJAH ROKMAA BINTI HAJI MAT
Pendaftar

s.k : Presiden & Naib Canselor
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Akademik, Penyelidikan & Jaringan Industri)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pentadbiran, Perancangan & Jaringan Global)
: Naib Presiden & Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)
: Bendahari